

Mufti Kelantan tokoh ulama

UM-4/8/2007

KOTA BHARU 3 Ogos – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menyampaikan anugerah kepada dua tokoh ulama anak negeri ini sebagai penghargaan di atas sumbangan besar mereka dalam meningkatkan syiar Islam.

Mufti Kerajaan Negeri Kelantan, Datuk Hasbullah Mohd. Hassan menerima anugerah Tokoh Ulama Islam Kelantan manakala pendakwah bebas, Muhammad Uthman El-Muhammady dianugerahkan Tokoh Intelektual Islam Kelantan.

Kedua-dua anugerah tersebut disampaikan oleh Perdana Menteri pada majlis perasmian Multaqa Ulama dan Intelektual Islam Kelantan 2007 di Hotel Grand River-view di sini hari ini.

Majlis yang dianjurkan oleh Majlis Kemajuan Kelantan (MKK) itu dihadiri kira-kira 4,000 tokoh agama dari seluruh negeri ini.

Dalam pada itu, Hasbullah ketika ditemui *Utusan Malaysia* mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana menghargai sumbangannya selama ini.

“Saya bersyukur kepada Allah kerana memberikan kekuatan kepada saya untuk berdakwah dan meningkatkan syiar Islam.

“Tugas ini akan diteruskan seperti biasa dan saya akan memperbaiki kelemahan diri untuk terus

berkhidmat,” katanya.

Hasbullah menerima pendidikan awal di beberapa buah pondok di sekitar negeri ini sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti Madinah dari tahun 1963 hingga 1969.

Sebelum dilantik sebagai mufti pada tahun 1991, beliau pernah bertugas sebagai Pengetua Sekolah Agama Islamiah, Tawau, Sabah dan Pendakwah Islamiah Daerah Tawau (1970-1976), Imam Besar Negeri Kelantan (1977-1986) dan Timbalan Mufti Negeri Kelantan dari tahun 1987 sehingga 1991.

Sementara itu, Muhammad Uthman dipilih kerana sumbangannya dalam bidang intelektual Islam dan telah membentangkan lebih kurang 300 kertas kerja di seminar dalam serta luar negara.

Beliau juga telah dianugerahkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan 2005, Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dari Universiti Sains Malaysia pada tahun 1995 dan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) 2005.

Anak kelahiran Kampung Telok Panji, Kota Bharu itu mendapat pendidikan awal di Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya (UM) sehingga ke peringkat sarjana dalam bidang pengajian Islam.



ABDULLAH Ahmad Badawi diiringi Hasbullah Mohd. Hassan (kanan) dan Muhammad Uthman El-Muhammady (dua dari kiri) selepas merasmikan Multaqa Ulama dan Intelektual Islam Kelantan di Kota Bharu, semalam.